

29/01/1998

Tahun Baru Cina meriah

KUALA LUMPUR, Rabu - Tahun Baru Cina disambut sederhana tetapi meriah dan harmoni oleh masyarakat Cina bersama kaum lain di seluruh negara, hari ini.

Walaupun negara mengalami masalah ekonomi, majlis rumah terbuka tetap diadakan dan tradisi kunjung-mengunjungi kaum Cina yang menjadi tuan rumah oleh kaum lain selain sahabat handai serta ahli keluarga sendiri terus dipupuk.

Di ibu negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyertai sambutan Tahun Harimau di Bangunan MCA kira-kira jam 10.20 pagi.

Mereka menjadi tetamu Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta pemimpin parti itu. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, menteri Kabinet serta perwakilan asing di ibu negara.

Selepas itu, Dr Mahathir dan Anwar serta isteri masing-masing menghadiri sambutan yang diadakan oleh Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik di ibu pejabat parti itu di Cheras.

Di Melaka, Tahun Baru Cina disambut sederhana tetapi penuh meriah dengan ramai yang mengadakan rumah terbuka pada waktu malam bagi membolehkan masyarakat Islam bersama-sama memeriahkan suasana perayaan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Poh Ah Tiam adalah antara pemimpin yang turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Taman Melaka Baru, Batu Berendam dari jam 7 hingga 9.30 malam.

Turut mengadakan rumah terbuka malam ini dari jam 7 hingga 10.30 malam ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Panas, Chong Tam On di Air Merbau, Bembam.

Di Seremban, kira-kira 5,000 penduduk sekitar bandar ini mengunjungi rumah terbuka anjuran MCA negeri di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini sejak jam 9 pagi.

Majlis itu adalah anjuran bersama pemimpin MCA peringkat negeri diketuai Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah yang disertai ahli Exco, ahli Parlimen, Adun dan senator daripada parti itu.

Di Kuching, Tahun Baru Cina juga disambut secara sederhana tetapi meriah, sejajar langkah berjimat dalam menghadapi kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Rumah terbuka dianjurkan pemimpin Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) di Ibu pejabat parti itu di Jalan Central, mulai jam 9 pagi hingga 1 petang ini.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, adalah antara tetamu yang mengunjungi Presiden SUPP, Dr George Chan Hong Nam dan pemimpin lain parti itu.

Di Ipoh, sambutan Tahun Baru Cina meriah turut diraikan oleh tetamu daripada kaum lain. Sambutan itu dijangka lebih meriah esok apabila beberapa orang kenamaan di Perak dan beberapa ahli Exco berketurunan Cina mengadakan rumah terbuka di kediaman masing-masing.

Di Pulau Pinang, Yang Dipertua Negeri, Tun Hamdan Sheikh Tahir bersama kira-kira 5,000 tetamu lain menghadiri rumah terbuka Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Di Sabah, Tahun Baru Cina disambut sederhana. Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee yang juga Presiden Parti Maju Sabah akan mengadakan rumah terbuka

di Kompleks Sukan Likas, esok.

(END)